

05 JUL 1999

Mahathir-CLOB

TERPULANG KEPADA PEMEGANG SAHAM SINGAPURA UNTUK PUTUSKAN ISU CLOB

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terpulang kepada pemegang-pemegang saham Singapura untuk memutuskan tawaran yang mereka mahu bagi menyelesaikan isu saham-saham Malaysia yang sebelum ini didagangkan di Central Limit Order Book (CLOB) Singapura.

"Terpulang kepada para pemegang saham Singapura untuk menentukannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini, malam ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diminta mengulas cadangan Bursa Saham Singapura (SES) untuk menjual secara berperingkat-peringkat saham-saham Malaysia itu yang kini dibekukan.

Baru-baru ini, Telekom Malaysia dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM) membuat tawaran bersama untuk membeli semua saham Malaysia itu yang sebelum ini didagangkan di CLOB dengan diskaun 25 peratus mengikut harga pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 29 Jun lepas.

Berdasarkan harga pasaran itu, saham-saham berkenaan dianggarkan bernilai RM14.5 bilion.

Sebagai tukaran, pemegang saham CLOB itu akan menrima saham kelas B dalam kedua-dua syarikat itu pada premium 30 peratus harga urusniaga 29 Jun itu.

Sebelum ini, dua syarikat lain -- Effective Capital Sdn Bhd dan Bintang Melewar Sdn Bhd -- telah membuat tawaran untuk memperolehi saham-saham Malaysia yang dibekukan itu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu pendirian SES dan para pemegang saham CLOB untuk mengatasi masalah itu.

Beliau berkata SES patut menimbangkan tawaran-tawaran itu daripada menunggu tawaran lain.

"Kalau tidak, tidak habis-habislah yang ni. Anda tahu ia boleh berterusan tanpa ada kesudahan," katanya.

Pada mesyuarat itu, Perdana Menteri juga memberi penjelasan bahawa pemulihan ekonomi negara berjalan dengan baik dan angka-angka menunjukkan bahawa pertumbuhan boleh dicapai dalam suku kedua tahun ini.

"Saya juga menyebut tentang penjualan kereta, rumah dan lain-lain yang membuktikan bahawa ekonomi sedang pulih," katanya.

-- BERNAMA

RIZ NAK